

30/06/2000

Penguat kuasa Jais perlu garis panduan terperinci

Minarni Mat Saad

AKHIRNYA Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) terpaksa mengakui bahawa tindakan beberapa pegawai penguatkuasanya menahan 53 orang di tiga premis menjual arak dalam operasi mencegah maksiat di kawasan Damansara dan Petaling Jaya pada 10 Jun lalu adalah kekhilafan (kesilapan) dalam mentafsirkan undang-undang.

Walaupun operasi pada malam itu mempunyai niat murni untuk menguatkuasakan Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) (EJSS) 1995, tindakan penahanan itu menjadi isu besar sehingga memerlukan campur tangan pihak atasan.

Sebagaimana peristiwa penahanan tiga ratu cantik Melayu sebelumnya yang turut mendapat komen Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kes kedua ini pula mendapat komen Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah menyifatkan tindakan Jais menangkap orang Islam yang ada di tempat menjual minuman keras sebagai tidak tepat kerana kehadiran mereka di situ tidak harus dijadikan alasan untuk menahan mereka.

Kontroversi kedua ini dicetuskan anggota penguat kuasa Jais selepas tindakan mereka menahan dan mendakwa tiga peserta pertandingan ratu cantik di Petaling Jaya pada 1997 hingga menyebabkan Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, terpaksa mengadakan sidang akhbar khas bagi menjelaskan pendirian kerajaan negeri mengenai perkara itu.

Mengimbas semula operasi pada malam itu, tiga premis menjual minuman keras menjadi sasaran, iaitu Captain Cabin (The Ship) dan China Town Nite Club di Damansara Utama serta LC Pub & Cafe di Petaling Jaya.

Berikutan itu, 53 orang ditahan, 31 kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Seksyen 10 enakmen itu, iaitu 'menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina' manakala yang lain atas kesalahan meminum minuman yang memabukkan (Seksyen 18), khalwat (Seksyen 29), berlagak seperti perempuan (Seksyen 30) serta perbuatan tidak sopan di tempat awam (Seksyen 31).

Maka bermulalah mimpi ngeri bagi Jais yang menerima komen dan kritikan kerana tindakan itu dianggap keterlaluan dan lebih 'kurang enak' apabila orang bukan Islam turut mempertikaikan hukum dan undang-undang Islam.

Selepas dua minggu perkara itu menjadi perbualan di sana-sini, Abu Hassan akhirnya mengeluarkan kenyataan yang jelas tidak memihak kepada Jais.

Ini juga adalah kenyataan kedua Abu Hassan yang menyalahkan tindakan anggota penguatkuasa Jais sebagai tidak wajar, seolah-olah mereka hanya tahu menangkap tetapi tidak tahu undang-undang.

Kekeliruan dalam melaksanakan EJSS tidak sepatutnya berlaku kerana ia wujud sejak lima tahun lalu. Sepatutnya anggota penguatkuasa Jais sudah arif mengenainya kerana ia bersangkutan-paut dengan bidang dan tugas mereka.

Dalam sidang akhbar semalam, yang turut dihadiri Pengarah Jais, Mansur Ramli, Abu Hassan mengakui Seksyen 10 enakmen itu tidak jelas dan tidak boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan apa-apa kesalahan bagi mana-mana orang Islam yang berada dalam premis yang membuat, menjual minuman keras atau ditawarkan untuk jualan, dipamerkan untuk jualan atau disimpan.

Menurutnya, kesilapan itu berlaku kerana Seksyen 10 tidak pernah dikuatkuasakan sebelum ini dan tidak ada kes yang diputuskan mahkamah yang boleh dijadikan panduan.

Ini adalah satu tamparan yang cukup perit kepada Bahagian Penguatkuasaan

Jais, namun ia terpaksa diterima kerana hakikatnya bukan mudah untuk menguatkuasakan peraturan Islam dalam suasana negara Malaysia yang berbilang bangsa, budaya dan agama.

Sebenarnya, niat pegawai penguat kuasa itu baik, iaitu untuk mengurangkan gejala maksiat di kalangan generasi muda Islam seperti perbuatan minum arak, berkelakuan tidak senonoh, bercengkerama di khalayak ramai dan terbabit dengan dadah.

Sebagaimana dijelaskan Abu Hassan, operasi itu diadakan berikutan 12 aduan awam yang diterima oleh Jais. Aduan ini dibuat disebabkan orang awam sendiri mungkin sudah tidak tahan dengan sikap pengunjung kelab malam yang tidak segan silu melakukan maksiat di khalayak ramai.

Bagaimanapun, berikutan isu yang timbul, semua terselamat kerana tuduhan ke atas mereka digugurkan selepas Ketua Pendakwa Syarie berpendapat tiada keterangan mencukupi yang membolehkan mereka disabitkan kesalahan.

Soalnya adakah mereka semua akan terselamat jika perkara ini tidak diperbesarkan melalui media massa sehingga mengundang perhatian semua pihak di peringkat atasan?

Kita sendiri maklum suasana di kelab malam. Di situ orang Islam tidak malu meneguk gelas mengandungi arak, berpelukan dengan pelayan dan bercumbuan dengan pasangan masing-masing.

Kerajaan negeri pula menegaskan bahawa tidak ada peruntukan kepada mana-mana penguat kuasa Jais untuk membuat tangkapan terhadap mana-mana orang Islam yang memasuki atau berada di premis di mana minuman keras dijual sekiranya orang Islam itu tidak meminumnya.

Jais perlu mengeluarkan garis panduan terperinci kepada pegawai penguat kuasanya bagi memastikan tindakan yang dibuat mengikut undang-undang.

Pegawai penguat kuasa Jais juga perlu diberikan kursus khas mengenai peruntukan undang-undang, prosedur yang perlu diikuti dan cara pelaksanaannya.

Pada yang sama, kerajaan negeri perlu memantau dan mengawal selia dari semasa ke semasa tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan Jais bagi memastikan tindakan penguatkuasaan berdasarkan keutamaan sewajarnya dan berhikmah.

(END)